

SULIT

1223/1

1223/1

**Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos
2012
2 jam**



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM TAHUN 2012

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 13 .
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 13.
5. Ceraikan kertas jawapan di halaman 13 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A**[40 markah]*****Jawab semua soalan*****Soalan 1 hingga Soalan 20**


Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1. Maksud kufur hakikat ialah

- A Mengingkari Allah S.W.T. sebagai pemberi rezeki
- B Menafikan rukun iman dan menolak syariat Islam
- C Mengingkari ajaran yang disampaikan oleh sahabat Rasulullah
- D Menyamakan Allah S.W.T. dengan sesuatu pada zat,sifat dan perbuatanNya

2. Berikut manakah akibat murtad terhadap masyarakat?

- A Dimurkai Allah
- B Dipandang hina
- C Berlaku permusuhan
- D Jiwa tidak tenteram



3. P dalam rajah di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A Nifak
- B Syirik
- C Khurafat
- D Kufur nikmat

4. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai konsep berkemampuan dalam ibadat haji ?

- A Cukup umur
- B Berakal waras
- C Ada kesempatan masa
- D Ada wang untuk perjalanan pergi

[Lihat halaman sebelah

5. Antara berikut yang manakah perbuatan yang boleh melibatkan kita kepada penagihan dadah?

- I Berjiran dengan orang yang buruk akhlak
 - II Membaca buku berkenaan jenis dadah
 - III Bergaul dengan penagih dadah
 - IV Menghisap rokok
-
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan IV
 - D** III dan IV

6.

- Merosakkan akal fikiran
- Terdedah kepada pelbagai kejahatan dan pengaruh syaitan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A** Bahaya arak kepada negara
- B** Bahaya arak kepada individu
- C** Kesan arak kepada masyarakat
- D** Keharusan meninggalkan perbuatan minum arak

7.

- Menziarahi Baitullah al-Haram
- Mengerjakan ibadat tertentu pada bila-bila masa mengikut syarat

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A** Upah haji
- B** Ziarah
- C** Umrah
- D** Haji

[Lihat halaman sebelah

8. Hukum mengambil anak angkat ialah

- A Sunat
- B Harus
- C Wajib
- D Makruh

9. Antara berikut, yang manakah **bukan** syarat saie?

- A suci daripada hadas
- B dilakukan selepas tawaf ifadhah
- C dilakukan sebanyak tujuh kali dengan yakin
- D memulakan niat saie semasa mula di Bukit Safa

10. Antara yang berikut, yang manakah merupakan rukun jual-beli?

- I Harga
 - II Barang
 - III Manfaat
 - IV Modal
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- Penghormatan kepada isteri supaya bertindak mengikut undang-undang.
- Mengelak berlaku penderhakaan daripada pihak isteri.

11. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah

- A Talak
- B Rujuk
- C Fasakh
- D Khuluk

[Lihat halaman sebelah

12. Antara berikut yang manakah tidak termasuk dalam adab berniaga?
- A Ihsan
B Amanah
C Bekerjasama
D Berhati-hati
13. Berikut adalah syarat orang yang berhak mendapat hak hadhanah kecuali
- A Islam
B Dewasa
C Perempuan
D Berakhhlak mulia
14. Antara berikut yang manakah benar mengenai polisi Saidina Abu Bakar
- I Menggerakkan tentera Usamah memerangi penduduk Ghassan
II Memerangi golongan murtad dan nabi palsu
III Menukarkan pegawai berketurunan Umayyah
IV Memerangi orang yang munafik
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
15. Antara berikut yang manakah bukan kesan perkembangan pendidikan pada zaman kerajaan Bani Umayyah ?
- A Lahirnya ramai tokoh ulama
B Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar
C Perkembangan ilmu tertumpu dalam bidang naqli
D Kota Basrah terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu

[Lihat halaman sebelah

SULIT**6****16.**

- Beliau digelar Khulafa' al-Rasyidin ke lima
- Semasa pemerintahannya, tiada rakyat yang layak menerima zakat

Pernyataan di atas merujuk kepada Khalifah Bani Umayyah iaitu

- A** Abu Bakar al-Siddiq
- B** Umar bin Abdul Aziz
- C** Abu Abbas al-Saffah
- D** Harun al-Rasyid

17.

- Berketurunan Parsi
- Bersifat pemurah
- Ulama pertama yang menyusun kitab Fekah mengikut bab
- Dipenjara kerana menolak jawatan hakim

Tokoh Q dalam pernyataan di atas ialah

- A** Imam Ahmad bin Hanbal
- B** Imam Abu Hanifah
- C** Imam al-Syafie
- D** Imam Maliki

18. Berdasarkan carta di bawah, pernyataan yang manakah **tidak benar** mengenai wanita yang haram dikahwini dengan sebab persemendaan.

A

Isteri cucu

B

Ibu mertua dan ke atas

C

Ibu saudara sebelah bapa

D

Anak tiri apabila disetubuh ibunya

[Lihat halaman sebelah

1223/1**SULIT**

19. Sayyid Jamaluddin al-Afghani menggerakkan perjuangan menentang penjajah melalui
- A ceramah
B kitab-kitab
C peperangan
D pidato yang bernalas
- 20.. Muqadimah Ibnu Khaldun adalah karya yang banyak membincangkan tentang ilmu berkaitan
- A Falsafah
B Geografi
C Ekonomi
D Sejarah

[Lihat halaman sebelah

1223/1

SULIT

Soalan 21 hingga Soalan 40.*Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai*

21. Orang yang tidak taat kepada Allah dan Rasul dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil dikenali sebagai _____
22. Antara ciri ajaran sesat ialah mengubah prinsip-prinsip asas Islam seperti mendakwa semua agama adalah sama. _____
23. Perbuatan membunuh diri merupakan satu pencabulan hak _____ kerana manusia tidak berhak mengambil nyawanya sendiri. _____

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.


24. Mengata atau menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadannya serta menimbulkan kemarahan apabila dilakukan dihadapannya.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.

25. _____ ialah kenduri atau jamuan yang diadakan untuk meraikan sesebuah perkahwinan.

Soalan 26 berdasarkan carta di bawah.

26.



R dalam rajah ialah _____.

27. _____ ialah berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredhaan Allah dan rasulNya serta mengutamakan Allah dan rasulNya lebih daripada harta benda dunia.
28. Memelihara dan mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab _____ suami isteri.


[Lihat halaman sebelah]

29. _____ ialah amalan yang wajib dilakukan dalam ibadat haji, jika tertinggal salah satu daripada rukunnya, hajinya tidak sah.
30. Antara tanggungjawab ibu bapa terhadap bayi yang baru lahir ialah _____ ditelinganya supaya memulakan kehidupan dengan penghayatan Islam.


Idah perceraian hidup	Idah kematian suami
Hamil - sehingga melahirkan anak	Hamil- sehingga melahirkan anak
Tidak hamil – tiga kali suci	Tidak hamil - _____ S _____

31. Maklumat di atas ialah perbandingan antara idah peceraian hidup dan idah kematian suami.
S dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 32 berdasarkan carta di bawah



T dalam rajah di atas ialah _____.



Rajah diatas menunjukkan struktur organisasi ketenteraan Kerajaan Bani Abbasiyyah.

X dalam ialah _____.

[Lihat halaman sebelah

34. "Orang yang ingin belajar ilmu hendaklah berusaha mencarinya, bukan ilmu yang datang mencarinya"

Pernyataan di atas adalah prinsip yang dipegang oleh Imam _____.

35. Harta rampasan perang yang diberikan kepada pejuang Islam dinamakan _____.

36. Sebelum bermusafir kita dikehendaki memohon petunjuk daripada Allah SWT dan meminta _____ daripada orang yang berpengalaman.

37. Antara adab berzikir ialah dengan menggunakan lafaz yang terdapat di dalam nas _____.

38. Perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.

39. Khalifah al-Makmun telah mendirikan pusat penterjemahan negara yang dikenali sebagai _____.

40. Kemerosotan pemerintahan al-Wasik Billah al-Muktasim telah menyebabkan kejatuhan Kerajaan Abbasiyah ke tangan orang _____.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B**[60 markah]****Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.**

- 1 (a) Riddah ialah berpaling atau keluar daripada agama Islam.
- (i) Nyatakan **dua** contoh riddah melalui lisan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab berlakunya perbuatan riddah dalam masyarakat. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** usaha yang perlu anda lakukan untuk mengelakkan amalan tersebut daripada berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]
- (b) Islam melarang umatnya mengambil arak dan dadah.
- (i) Nyatakan **maksud** dadah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat menagih dadah terhadap individu. [4 markah]
- (c) (i) Namakan **dua** kumpulan syiah selain daripada Syiah Imamiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pendapat Syiah Imamiyah mengenai jawatan imam. [4 markah]
- 2 (a) Insurans adalah salah satu muamalah Islam yang berfaedah.
- (i) Senaraikan **dua** bahagian insurans yang anda ketahui ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tujuan diharuskan insurans. [4 markah]
- (b) Perkahwinan merupakan proses perhubungan antara manusia.
- (i) Nyatakan hikmah perkahwinan dari sudut kekeluargaan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** implikasi perkahwinan yang tidak mengikut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. [4 markah]
- (c) Islam mengharamkan talak dilafazkan pada waktu-waktu tertentu.
- (i) Bilakah hukum talak menjadi haram? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah talak terhadap pasangan suami isteri. [4 markah]
- (iii) Suharti telah memohon perceraian daripada suaminya secara fasakh. Apakah kesan perceraian mereka secara fasakh ? [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 3 (a) Kerajaan Khulafa' ar-Rasyidin adalah kesinambungan daripada Islam pimpinan Rasulullah SAW. Kerajaan
 (i) Nyatakan **dua** dasar pentadbiran Khulafa'ar-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** polisi pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan semasa menjadi khalifah. [4 markah]
- (b) HAMKA merupakan tokoh ulama' yang terkenal di nusantara.
 (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** kegigihan beliau dalam mengembangkan dakwah Islamiah di nusantara. [4 markah]
- (c) Islam menggalakkan umatnya berhias diri .
 (i) Senaraikan **dua** contoh amalan berhias diri yang digalakkan dalam Islam. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** amalan berhias diri yang dilarang dalam Islam. [2 markah]
 (iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan adab berhias diri. [4 markah]
- 4 (a) Kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyyah amat dibanggakan hingga ke hari ini.
 (i) Nyatakan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Bani Abbasiyyah. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** peranan generasi sekarang bagi mengembalikan kegemilangan umat Islam seperti Kerajaan Bani Abbasiyyah yang lalu. [4 markah]
- (b) Imam al-Ghazali r.a digelar sebagai 'Hujjatul Islam'.
 (i). Nyatakan **dua** sebab beliau digelar demikian. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** bukti kegigihan Imam Ghazali r.a dalam menuntut ilmu. [4 markah]
- (c) Pemimpin ialah orang yang dipertanggungjawabkan memimpin sekumpulan manusia atau sesbuah organisasi.
 (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** adab rakyat terhadap pemimpin. [2 markah]
 (iii) Terangkan **dua** kesan jika rakyat tidak mentaati pemimpin. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1223/1 (PP)
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Peraturan
Pemarkahan
Ogos
2012



MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SELURUH MALAYSIA
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

AKTIVITI PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
SPM 2012

SKEMA JAWAPAN
PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Kertas 1**Bahagian A**

No Soalan	Jawapan			
1	A	<input checked="" type="radio"/>	C	D
2	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
3	<input checked="" type="radio"/>	B	C	D
4	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
5	A	B	C	<input checked="" type="radio"/>
6	A	<input checked="" type="radio"/>	C	D
7	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
8	A	<input checked="" type="radio"/>	C	D
9	<input checked="" type="radio"/>	B	C	D
10	<input checked="" type="radio"/>	B	C	D
11	A	B	C	<input checked="" type="radio"/>
12	A	B	C	<input checked="" type="radio"/>
13	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
14	<input checked="" type="radio"/>	B	C	D
15	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
16	A	<input checked="" type="radio"/>	C	D
17	A	<input checked="" type="radio"/>	C	D
18	A	B	<input checked="" type="radio"/>	D
19	A	B	C	<input checked="" type="radio"/>
20	A	B	C	<input checked="" type="radio"/>

No. Soalan	Jawapan
21	Fasik
22	Agama / akidah / syariat
23	Allah
24	Mengumpat
25	Walimatul arus / Kenduri kahwin
26	Berhenti melakukan maksiat / memohon maaf kepada orang yang berkaitan
27	Kemanisan iman / halawatul iman
28	bersama
29	Rukun haji
30	Azan / iqamat / azan dan iqamat
31	Empat bulan sepuluh hari
32	Jenayah / bidang kuasa jenayah
33	Dewan al-Jundi / Kementerian Pertahanan
34	Imam Malik
35	Al-ghanimah
36	Nasihat / pandangan / panduan
37	Al-Quran / Hadis / al-Quran dan hadis
38	Syarikat
39	Baitul Hikmah
40	Mongul

Bahagian B

No. Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	<p>Dua contoh riddah melalui lisan:</p> <p>1.isytihar diri keluar dari agama Islam 2. mengatakan al-Quran tidak sesuai diamalkan.</p>	2 isi x 1m = 2 m
		(ii)	<p>Dua sebab berlakunya perbuatan riddah dalam masyarakat.</p> <p>1.Pegangan ajaran agama Islam sangat lemah. 2.Mereka jahil tentang akidah / hukum-hukum Islam. 3.Mereka tidak mendapat bimbingan untuk memahami Islam 4.Mereka terpengaruh dengan tawaran kebendaan 5.Mereka terpengaruh dengan ajaran agama lain</p>	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Dua usaha yang perlu saya lakukan untuk mengelakkan amalan tersebut daripada berleluasa dalam masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi nasihat / kesedaran - supaya bertaubat/ kembali kepada Islam. - Menyebarluaskan risalah-risalah - yang mengandungi keburukan riddah. - Menggiatkan usaha-usaha dakwah dan majlis-majlis ilmu - kepada semua lapisan masyarakat. - Melaporkan kepada pihak berkuasa – berkaitan dengan kejadian riddah - Menerangkan tentang kesan buruk riddah - agar mereka menjauhinya <p>(huraiyan yang munasabah diterima)</p>	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m huraian = 1m

No. Soalan			Jawapan	Markah
	(b)	(i)	Maksud dadah: Sejenis bahan yang menghayalkan dan menghilangkan daya fikir.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua akibat menagih dadah terhadap individu: 1.Mencemarkan maruah diri 2.Mendapat kemurkaan dan balasan azab daripada Allah. 3.Lalai daripada mengingati dan menunaikan perintah Allah. 4.Akan berlaku pelbagai jenayah / pergaduhan, mencuri,membunuh. 5.Mengabaikan tanggungjawab terhadap diri.	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	Namakan dua kumpulan syiah selain daripada Syiah Imamiyah: 1. Syiah Zaidiyah 2. Syiah Bathiniyah	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua pendapat Syiah Imamiyah mengenai jawatan imam: 1.jawatan imam dianugerahkan oleh Allah. 2.imam dianggap maksum tetapi tidak mendapat wahyu. 3.hanya layak disandang oleh 12 imam daripada kalangan ahlul bait mengikut urutan.	2 isi x 2m = 4m
2	(a)	(i)	Bahagian insurans : 1. Insurans nyawa 2. Insurans am	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua tujuan diharuskan insurans : 1. Membantu pihak yang ditimpa musibah 2. Mendapat segala kemudahan perlindungan atau gantirugi 3. Pemilik kenderaan akan mendapat jaminan	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	Hikmah perkahwinan dari sudut kekeluargaan : 1. Menjalinkan hubungan persaudaraan antara kedua belah pihak 2. Mendekatkan keluarga yang semakin jauh 3. Mengeratkan hubungan antara sesama manusia	1 isi x 2m = 2m

No. Soalan			Jawapan	Markah
		(ii)	<p>Dua implikasi yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islam Malaysia</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dikenakan tindakan undang-undang 2. Nama baik keluarga tercemar 3. Masyarakat akan menjadi kucar kacir 4. Dipandang hina oleh orang ramai 	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	<p>Hukum talak menjadi haram.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apabila dilafazkan ketika isteri sedang haidh 2. Apabila dilafazkan ketika isteri sedang hamil 3. Apabila isteri sedang nifas 4. Bertujuan menganiayai isteri 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua hikmah talak terhadap pasangan suami isteri.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memberi peluang kepada pasangan memulakan kehidupan baru 2. memberi pengajaran kepada suami isteri 3. memberi peluang memperbaiki kesilapan 4. dapat mengurangkan tekanan emosi 5. mendapat ketenangan jiwa 6. memberi keinsafan kepada suami dan isteri 	2 isi x 2m = 4m
		(ii)	<p>Kesan perceraian mereka secara fasakh.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh iddah 2. Mereka boleh berkahwin semula dengan akad dan mahar yang baru 	1 isi x 2m = 2m
3	(a)	(i)	<p>Dua dasar pentadbiran Khulafa'ar-Rasyidin.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.undang-undang/perlembagaan berdasarkan al-Quran dan Sunnah. 2.khalifah ada kuasa membuat keputusan berdasarkan pandangan ahli syura. 3.pemimpin bertanggungjawab menegakkan kebenaran dan keadilan. 4.khalifah merupakan ketua Negara. 5.khalifah tidak mendapat hak istimewa mengatasi undang-undang. 6.rakyat boleh memberi pandangan/teguran mengikut saluran tertentu. 	2 isi x 1 m = 2 m

No.	Soalan	Jawapan	Markah
	(ii)	<p>Dua polisi pentadbiran Khalifah Uthman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.memberi peluang berjihad kepada sesiapa sahaja. 2.para sahabat tidak lagi dilarang meninggalkan kota Madinah. 3.melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal. 4.menetapkan al-Quran hanya dibaca menggunakan lajhah quraish. 5.ramai gabenor dilantik daripada kalangan Bani Umayyah. 	2 isi x 2m = 4m
	(b)	<p>Dua sifat peribadi HAMKA yang boleh dicontohi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.petah berpidato. 2.berjiwa seni. 3.berani membangkitkan semangat perjuangan. 	2 isi x 1m = 2 m
	(ii)	<p>Dua kegigihan beliau dalam mengembangkan dakwah Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.berdakwah melalui penulisan,ceramah dan dialog. 2.menubuahkan Persatuan Hindia Timur untuk menjaga kebaikan jemaah haji Indonesia. 3.menubuahkan kolej al-Muballighin yang melahirkan tokoh-tokoh Islam. 4.aktiviti dakwah meningkat apabila beliau dilantik sebagai anggota pemimpin Pusat Muhammadiyah. 	2 isi x 2m = 4m
	(c)	<p>Dua contoh amalan berhias diri yang digalakkan dalam Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Mandi 2.Bersugi/menggosok gigi 3.Memakai wangi-wangian 4.Menyikat rambut 5.Memotong kuku/mencabut bulu ketiak/ari-ari 6.Menghias muka 	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	<p>Dua amalan berhias diri yang dilarang dalam Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.memakai emas/sutera tulin bagi lelaki. 2.berpakaian yang berlawanan jantina. 3.menyambung rambut. 4.membuat tatu. 5.pembedahan anggota badan untuk kecantikan. 	2 isi x 1m = 2m

No.	Soalan	Jawapan	Markah
	(iii)	<p>Terangkan hikmah mengamalkan adab berhias diri ;</p> <p>1.akan dikasihi oleh Allah kerana mensyukuri nikmatNya. 2.mendapat pahala kerana menzahirkan nikmat Allah. 3.akan menjauhkan diri daripada kehinaan kerana mengamalkan sunnah Nabi 4.dapat menjaga maruah diri supaya hidup sejahtera. 5.Disukai manusia kerana menunjukkan contoh yang baik.</p>	$2 \text{ isi} \times 2\text{m} = 4\text{m}$ Isi = 1m huraihan = 1m
4	(a)	<p>Dua faktor kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah ;</p> <p>1. kestabilan politik. 2. dasar kerajaan yang memberi layanan adil kepada semua rakyat. 3. Kedudukan kota Baghdad yang strategik 4. Perpaduan antara kaum. 5. Penghayatan konsep kerja sebagai ibadah.</p>	$2 \text{ isi} \times 1\text{m} = 2\text{m}$
	(ii)	<p>Dua peranan generasi sekarang :</p> <p>1.Menguasai pelbagai bidang ilmu 2.Mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. 3.Tidak melakukan perbuatan yang mengancam keamanan negara. 4.Mengamalkan akhlak terpuji .</p>	$2 \text{ isi} \times 2\text{m} = 4\text{m}$
	(b)	<p>Sebab beliau digelar Hujjatul Islam</p> <p>1.Kecekapan/ kemasyhuran / kekuatan beliau membela agama Islam. 2.Kerana keilmuan / ketepahan berhujah.</p>	$1 \text{ isi} \times 2\text{m} = 2\text{m}$
	(ii)	<p>Dua bukti kegigihan Imam al-Ghazali dalam menuntut ilmu</p> <p>1.Tekun menuntut ilmu. 2.Sanggup mengembara ke beberapa tempat untuk mencari ilmu. 3.Berguru dengan ramai guru.</p>	$2 \text{ isi} \times 2\text{m} = 4\text{m}$
	(c)	<p>Dua tanggungjawab pemimpin :</p> <p>1.Menjaga agama 2.Berlaku adil 3.Menyediakan keperluan asas</p>	$2 \text{ isi} \times 1\text{m} = 2\text{m}$

No.	Soalan	Jawapan	Markah
	(ii)	Dua adab rakyat terhadap pemimpin : 1.Mentaati pemimpin selagi tidak menyuruh melakukan maksiat. 2.Membantu pemimpin mencapai wawasan negara. 3.Menyokong segala polisi dan usaha pemimpin selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam. 4.Menasihati pemimpin dengan cara yang baik / berhikmah.	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	Dua kesan jika rakyat tidak mentaati pemimpin : 1.Pemimpin tidak dapat melaksanakan tugas / kerana tidak mendapat sokongan. 2.Ekonomi negara tidak berkembang kerana kegiatan ekonomi tidak dapat dijalankan. 3.Terdedah kepada serangan musuh kerana negara berada dalam keadaan lemah	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m huraian = 1m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**SULIT**